

HARI : JUMAAT
 TARikh : 26/7/2019
 M/SURAT : 18

Nasional
TPM gesa henti jualan gula-gula 'Ghost Smoke'



Keratan akbar BH 23 Julai lalu.

dan fokus kepada isu pengguna seperti kos sara hidup, transaksi atas talian, program *food bank*, subsidi petroleum dan advo-kasi kepenggunaan," katanya.

BERNAMA

Gula-gula 'Ghost Smoke'

'Peniaga ingkar larangan kena hukuman berat'

Alor Setar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran kepada peniaga agar tidak menjual gula-gula *Ghost Smoke*, terutama dalam kawangan pelajar sekolah atau mereka akan dikenakan hukuman berat jika didapati melanggar undang-undang.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pihaknya memandang serius isu itu dan mana-mana penjual boleh dikenakan denda sehingga mencecah ratusan ribu ringgit atau hukuman penjara jika melanggar Akta Perihal Dagangan 2011.

"Kita lipat gandakan pemanta-

uan dan beri tugas tambahan kepada penguat kuasa untuk lihat gula-gula *Ghost Smoke* ini, jadi saya nasihatkan peniaga jangan jual sebab benda yang dijual itu murah, tetapi hukuman sangat berat.

"Seperti kes di Kulim, pegawai penguat kuasa rampas 108 bungkus gula-gula ini di premis runcit, nilainya hanya RM54, tidak berbaloi dengan hukuman," katanya selepas majlis Penyampaian Wataikh Penyelaras Kepenggunaan Parliment (PKP) Zon Utara di sini, semalam.

Isu gula-gula *Ghost Smoke* mendapat perhatian umum selepas sa-tu video yang menunjukkan ka-

nak-kanak sekolah 'menghisap' gula-gula itu dan mengeluarkan asap seakan-akan rokok, tular di media sosial, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Saifuddin berkata siasatan awal pihaknya mendapati gula-gula berkemaan diimport dan mempunyai logo halal, namun diragui.

Beliau berkata, gula-gula itu juga didapati sudah lama berada di pasaran dan biasanya dijual berhampiran kawasan sekolah sejak beberapa tahun lalu.

Sementara itu, mengenai PKP di zon utara iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang beliau berkata, seramai 31 individu dilantik dan proses lantikan akan diteruskan

ke negeri-negeri lain selepas ini.

Katanya, PKP berperanan membantu kementerian dalam melaksanakan aktiviti kepenggunaan dan menjadikan medium bagi pihak komuniti dan KPDNHEP.

"Mereka perlu memberi pemahaman dan melaporkan kepada kementerian berkaitan isu kepenggunaan dihadapi pengguna dan peniaga di kawasan komuniti yang diwakili.

"PKP perlu tahu keadaan semasa